

Garispanduan Untuk Calon

Panduan Umum

- i. Semua maklumat yang diisi dalam borang ini hendaklah ditulis dengan **HURUF BESAR**.
- ii. Sila tandakan (/) di petak yang berkenaan.
- iii. Hanya borang permohonan yang diisi dengan lengkap dan ditandatangani serta mematuhi tarikh tutup iklan yang diterima daripada pemohon yang berkelayakan sahaja akan didaftarkan.

Panduan Mengisi Borang Permohonan

1. Pemohon dikehendaki mengisi nombor Kad Pengenalan baru dan lama.
2. Pemohon dikehendaki mengisi nama jawatan yang dipohon dengan jelas.
3. Pemohon dikehendaki mengisi nama penuh seperti dalam kad pengenalan.
4. Pemohon dikehendaki menggunakan alamat surat menyurat dan psokod, nombor telefon yang terkini dan pusat temuduga yang dipilih. Kod bandar di mana pemohon ingin ditemuduga seperti berikut:-

Bandar	Kod	Bandar	Kod	Bandar	Kod
Kuala Lumpur	02	Kota Kinabalu	21	Kuching	51
Ipoh	02	Tawau	22	Kota Samarahan	54
Pulau Pinang	03	Sandakan	23	Sri Aman	56
Alor Setar	04	Labuan	24	Sibu	58
Kangar	05	Keningau	25	Sarikei	60
Kota Bharu	06	Kudat	26	Kapit	61
Kuala Terengganu	07	Beaufort	27	Bintulu	62
Kuantan	08	Kota Belud	28	Miri	63
Seremban	09	Semporna	29	Limbang	65
Bandar Melaka	10	Ranau	30		
Johor Bahru	11	Lahad Datu	31		

5. Pemohon hendaklah menyatakan tarikh lahir dan tempat lahir.
6. Pemohon dikehendaki mengisi butir-butir peribadi seperti jantina, taraf perkahwinan, keturunan, agama, kewarganegaraan, tempat lahir ibu/bapa dan kecacatan fizikal sekiranya berkenaan.
7. Pemohon dikehendaki mengisi lesen memandu jika ada.

8. Keputusan peperiksaan sekolah hendaklah disertakan dengan salinan yang **diakui sah**.
 - a. Isi butir-butir keputusan peperiksaan dengan lengkap seperti sijil yang diperolehi.
 - b. Tandakan (/) di petak disediakan bagi **jenis peperiksaan** yang diambil serta isikan tahun peperiksaan dan pangkat. Jika kelulusan yang diperolehi tidak disenaraikan pemohon dikehendaki menulis nama peperiksaan dan pangkatnya di ruang yang disediakan.
 - c. Isikan **Keputusan mata pelajaran** yang lulus sahaja di ruangan berkenaan. Jika mata pelajaran yang diperolehi tidak terdapat pada senarai, pemohon dikehendaki menulis mata pelajaran dan keputusan di ruangan yang disediakan. Jangan meminda atau memotong mata pelajaran yang sedia ada di dalam borang.
 - d. Pemohon yang lulus ujian lisan Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM hendaklah mencatatkan perkataan "LULUS" di ruangan berkenaan dan perkataan "GAGAL" sekiranya gagal.
9. Pemohon dikehendaki mengisi butir-butir mengenai Peperiksaan tambahan Bahasa Melayu (S.A.P). (sila sertakan salinan keputusan berkenaan yang **diakui sah**).
10. Pemohon dikehendaki menyenaraikan Nama Sekolah Rendah dan Menengah Bantuan Penuh Kerajaan yang pernah dimasuki.
11. Sila sertakan salinan bukti kelayakan daripada Badan-badan Profesional/Ikhtisas dan Sijil-sijil lain (termasuk peperiksaan Jabatan/Peperiksaan Khas). Bagi kelulusan Peperiksaan Khas, pastikan kelulusan itu dicatatkan pada Kenyataan Perkhidmatan.
12. Bagi pemohon berkebolehan menaip, dan ada kemahiran komputer hendaklah dikemukakan salinan sijil yang **diakui sah**. Nyatakan juga kemahiran dari segi pengetahuan bahasa.
13. Pemohon dikehendaki menyatakan butir-butir jawatan sekarang (samada kerajaan atau swasta) di borang. Bagi pemohon yang **sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan** hendaklah menyatakan maklumat pekerjaan tersebut dan permohonan hendaklah melalui Ketua Jabatan dengan melampirkan **Kenyataan Perkhidmatan** yang kemaskini, Laporan Nilai Prestasi dan Laporan Pengisytiharan Harta yang diluluskan.
14. Senaraikan pengalaman pekerjaan selain dari jawatan sekarang.
15. Ruangan ini hanya perlu diisi oleh calon-calon bekas tentera. Sila sertakan Buku Tamat Perkhidmatan yang lengkap.
16. Pastikan ruangan pemohon **ditandatangani** dan isikan tarikh serta **nombor Kad Pengenalan** sebelum menghantar borang permohonan.